



SULIT

Ruj. Kami : MOF.BPK(S) 600-14/2/5(27)

Tarikh : 25 Jun 2020

Tuan Foo Check Lee
Presiden
Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia
No. 2-1, Jalan 2/109E
Desa Business Park
58100 Kuala Lumpur
WP KUALA LUMPUR

NO.TEL : 03 - 7984 8636
NO. FAKS: 03 - 7982 6811

Tuan,

KAJIAN SEMULA PEMOTONGAN BAYARAN PENDAHULUAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (PKBM) rujukan MBAM/16/02/01/2020/05/14/155 bertarikh 14 Mei 2020 mengenai perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah meneliti permohonan PKBM bagi mengambil kira kesan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada kontraktor. Sehubungan itu, MoF telah bersetuju membuat pertimbangan khas seperti berikut:-

- a) Potongan bayaran pendahuluan daripada bayaran kemajuan bermula pada tahap 50% kemajuan fizikal;
- b) Potongan bayaran pendahuluan daripada bayaran kemajuan hendaklah diselesaikan pada tahap 85% kemajuan fizikal; dan
- c) Kelonggaran ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021.

3. Untuk makluman tuan, tatacara mengenai perkara ini telah dikeluarkan melalui Pekeliling Perbendaharaan/Perolehan Kerajaan PP/PK2.2 yang boleh diakses melalui laman web MoF. Harapan kami pertimbangan khas MoF ini dapat membantu memperbaiki aliran tunai syarikat yang terlibat sekaligus membantu menyempurnakan perolehan Kerajaan dengan cemerlang.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ZAMZURI BIN ABDUL AZIZ)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Ruj. Kami : MOF.BPK(S) 600-14/2/5(27)

Tarikh : 28 Jun 2020

SULIT

s.k.

YBhg. Dato' Dr. Ir Andy K H So
Pejabat Sekretariat PEMUDAH
Perbadanan Produktiviti Malaysia
Lorong Produktiviti, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR

NO. TEL : 03 – 7955 7266
NO. FAKS : 03 – 7957 8068

YBhg. Dato' TKSP(M)

MBAM